UNIT KERJASAMA AWAM SWASTA
JABATAN PERDANA MENTERI

KERATAN AKHBAR
AKHBAR : BERITA HARIAN
TARIKH : OKTOBER / 27 / 2026
M/S : 2

Kelulusan peruntukan kerajaan perlu ikut prosedur kewangan

Ahmad Zahid ketika sesi penggulungan perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan 2027 Peringkat Dasar di Dewan Rakyat, semalam. (Foto BERNAMA)

Oleh Mukhriz Mat Husin
mukhriz.husin@bh.com.my

Ahmad Zahid nafi dakwaan TPM ada kuasa ubah, lulus dana sesuka hati

Kuala Lumpur: Sebarang kelulusan dan pelarasan peruntukan kerajaan perlu melalui prosedur kewangan yang ditetapkan dan direkodkan dalam sistem kerajaan, termasuk MyProjek serta Sistem Pengurusan Kewangan dan Perakaunan Kerajaan (iGFMAS).

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata pembayaran hanya boleh diproses selepas peruntukan disalur berdasarkan tuntutan dan pengesahan kerja oleh agensi pelaksana seperti Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

"Arahan menteri sahaja tidak membolehkan wang terus dibelanjakan. Kelulusan dan tatacara kerajaan tetap perlu dipatuhi.

"Bagi 2023 hingga 2025, pertambahan peruntukan projek Jalan Luar Bandar (JALB) dibuat melalui pindahan peruntukan dalaman tanpa melebihi siling keseluruhan bajet pembangunan tahunan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) yang diluluskan," katanya ketika sesi penggulungan perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan 2027 Peringkat Dasar di Dewan Rakyat, semalam.

Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah berkata demikian bagi menjawab dakwaan kononnya Timbalan Perdana Menteri mempunyai kuasa mengubah dan meluluskan peruntukan sesuka hati.

Katanya, setiap penyelarasan peruntukan perlu melalui mekanisme Notis Perubahan (NOC) dan pindahan peruntukan, tertakluk kepada jenis perubahan serta kelulusan diperlukan.

Katanya, proses itu membabitkan pegawai KKDW, termasuk Ketua Setiausaha, selain perbincangan dan kelulusan daripada Kementerian Ekonomi, Kementerian Kewangan (MOF) serta Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM), mengikut bidang kuasa masing-masing.

Kebenaran berbelanja

Ahmad Zahid berkata, RM300 juta yang diumumkan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan sebelum ini bukan peruntukan tambahan, sebaliknya kebenaran berbelanja.

"Ia adalah kebenaran berbelanja melalui Surat Kuasa Berbelanja (SKB) bagi menjelaskan tunggakan dan komitmen projek sebelumnya.

"Dalam bahasa mudah, jumlah peruntukan JALB bertambah melalui penyusunan semula peruntukan dalam jumlah keseluruhan yang tersedia kepada kementerian.

"Atas asas itu, pertambahan berkenaan tidak memerlukan Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan yang berasingan, tertakluk kepada kelulusan dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa sekarang," katanya.